

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 21.10.2015 (RABU)

DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan :-

- (a) tahap kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kesan sebenar terhadap harga barangan akibat pelaksanaan GST apakah ia belaku seperti dinyatakan sebelum ini bahawa akan ada harga barangan yang naik, kekal dan turun; dan
- (b) berapa banyak kes penyelewengan pengenaan caj GST dan pengambilan keuntungan berlebihan yang dilakukan peniaga yang telah diambil tindakan mahkamah sejak GST mula diperkenalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Mengenai tahap kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), masih belum ada kajian yang menyeluruh dibuat setakat ini. Walau bagaimanapun, Kementerian yakin bahawa rata-rata rakyat di negara ini faham akan kepentingan negara beralih ke sistem percukaian yang lebih efektif demi untuk masa hadapan yang lebih baik. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan kepentingan pengguna terpelihara.

Menyentuh persoalan mengenai turun naik harga barangan, pemantauan Kementerian ke atas **446 barangan** pada bulan September 2015 berbanding sebelum pelaksanaan GST iaitu pada bulan Mac 2015 (analisa harga **Mac-September 2015**) menunjukkan dapatan seperti berikut:

- i) Bilangan barangan yang mengalami **kenaikan harga** ialah sebanyak **350** barangan di Semenanjung, **283** barangan di Sarawak dan di Sabah sebanyak **304** barangan;
- ii) Bilangan barangan yang mengalami **penurunan harga** pula ialah sebanyak **82** barangan di Semenanjung, **128** barangan di Sarawak dan **109** barangan di Sabah;
- iii) Bilangan barangan yang **tidak mengalami perubahan harga** pula ialah **14** barangan di Semenanjung, **19** barangan di Sarawak dan di Sabah sebanyak **15** barangan; dan

- iv) Terdapat **16** barangan yang tersenarai tidak dijual di Sarawak dan di Sabah sebanyak **18** barangan.

Peningkatan harga barangan walau bagaimanapun, bukan hanya berpunca daripada pelaksanaan GST semata-mata. Sebaliknya turut dipengaruhi **pelbagai faktor** lain antaranya seperti kadar pertukaran wang asing, ketidaktentuan cuaca, manipulasi orang tengah, peningkatan kadar upah, persekitaran ekonomi global yang di luar kawalan serta faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*) pada satu-satu masa.

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Semenjak GST diperkenalkan sehingga **20 Oktober 2015**, sebanyak **134** kertas siasatan melibatkan kesalahan pencatutan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **88** kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana **mencatut**, **41** kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **5** kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan rekod perniagaan**.

Daripada jumlah ini, sebanyak **14** kes telah didakwa di Mahkamah Seksyen Khas Antipencatutan iaitu masing-masing **6 kes** di bawah Seksyen 14(1), **7 kes** di bawah Seksyen 21(5) dan **1 kes** di bawah Seksyen 53A AKHAP 2011. **12 kes telah disabit kesalahan** dengan jumlah keseluruhan denda **RM365,500.00** manakala baki **2 kes** lagi telah dituduh namun masih dalam tindakan pendakwaan di Mahkamah. Selain itu, terdapat sebanyak **13 kes** telah **dikompaun** iaitu masing-masing **10 kes** di bawah Seksyen 14(1) dan **3 kes** di bawah Seksyen 21(5) AKHAP 2011

dengan jumlah keseluruhan kompaun bernilai **RM535,000.00**. Sehingga kini, **5 kes telah selesai dikompaun** dengan jumlah keseluruhan **RM105,000**, manakala sebanyak **8 kes** dengan keseluruhan tawaran kompaun sejumlah **RM430,000** masih dalam peringkat rayuan dan belum dijelaskan.

Bagi kesalahan **penyelewengan pengenaan GST**, pihak Kastam DiRaja Malaysia melaporkan bahawa sehingga Oktober 2015, sebanyak **8 kes** kesalahan yang dilakukan oleh orang berdaftar telah didakwa di Mahkamah. Daripada jumlah ini sebanyak **3 kes** melibatkan Seksyen 33 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, iaitu kesalahan dari segi **pengeluaran invois cukai**. **2 kes** masih dalam proses perbicaraan manakala **1 kes** telah selesai yang melibatkan denda sebanyak **RM10,000**.

Selain dari itu, sebanyak **3 kes** didakwa bagi kesalahan di bawah Seksyen 184 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, iaitu kesalahan yang melibatkan kegagalan syarikat yang dijangka mencapai nilai ambang pada bulan April 2015 untuk **mendaftar sebelum tarikh efektif pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan**. Kesemua kes telah selesai di mahkamah dan melibatkan jumlah denda sebanyak **RM20,000**.